

## **SYARAT-SYARAT PENYERTAAN HAFAZAN**

### **MAJLIS TILAWAH DAN HAFAZAN AL-QURAN NEGERI PERAK 1443H/2022M**

1. Kategori yang diadakan adalah seperti berikut:
  - 1.1 1 Hingga 10 Juzuk Berserta Tarannum Lelaki.
  - 1.2 1 Hingga 10 Juzuk Berserta Tarannum Perempuan.
  - 1.3 1 Hingga 20 Juzuk Lelaki.
  - 1.4 1 Hingga 20 Juzuk Perempuan.
  - 1.5 1 Hingga 30 Juzuk Berserta Tafsir Lelaki.
  - 1.6 1 Hingga 30 Juzuk Berserta Tafsir Perempuan.
2. Penyertaan setiap peserta adalah terhad kepada 1 kategori sahaja 1 tahun.
3. Peserta yang telah mendapat johan tidak dibenarkan menyertai dalam kategori yang sama. Walau bagaimanapun, peserta boleh menyertai kategori lain yang lebih tinggi. Manakala penyertaan ke dalam kategori yang lebih rendah tidak dibenarkan.
4. Peserta boleh menyertai kategori yang sama terhad kepada 3 kali sahaja sama ada secara berturut-turut atau berselang-selang. Walau bagaimanapun, peserta boleh menyertai kategori lain yang lebih tinggi. Manakala penyertaan ke dalam kategori yang lebih rendah tidak dibenarkan.
5. Peserta hendaklah berumur tidak kurang dari 7 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (24 tahun 12 bulan) pada tarikh Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan tahun berkenaan.
6. Peserta hendaklah beragama Islam.
7. Penyertaan individu hendaklah terdiri daripada pemastautin Negeri Perak sekurang-kurangnya 6 bulan dan diperakui permastautinnya oleh Pengurus Jawatankuasa Kariah atau majikan tempat ia beraustautin.
8. Manakala penyertaan pelajar diterima daripada institusi pendidikan di dalam Negeri Perak sahaja dan hendaklah mendapat pengesahan serta melalui pihak institusi berkenaan.
9. Penyertaan adalah terhad kepada 1 negeri sahaja 1 tahun. Peserta mestilah belum menyertai mana-mana majlis menghafaz al-Quran di negeri lain. Jika peserta telah menyertai majlis menghafaz al-Quran di negeri lain, penyertaannya adalah terbatas.
10. Setiap peserta hendaklah memakai pakaian yang sesuai (menutup aurat) dan peserta perempuan tidak dibenarkan menutup muka ketika mempersembahkan bacaan dan Majlis Penyampaian Hadiah.

11. Peserta perempuan yang menyertai Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri hendaklah dalam keadaan tidak uzur syari semasa ujian dijalankan kepadanya.
12. Peserta yang benar-benar memerlukan bantuan sama ada disebabkan oleh kecacatan anggotanya atau kurang upaya, boleh membawa seorang pengiring ke majlis ini dan memaklumkannya kepada urus setia.

#### **Jenis dan Cara Bacaan Serta Sukatan Tafsir**

13. Peserta hendaklah membaca riwayat Hafs (Tariq Shatibi), tetapi bagi peserta yang ingin membaca selain daripda riwayat tersebut, hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada urus setia.
14. Peserta dikehendaki mempersesembahkan hafazan secara *tadwir* sahaja, manakala bagi soalan tarannum peserta dikehendaki mempersesembahkan bacaan secara *tahqiq*.
15. Peserta dikehendaki membawa sekurang-kurangnya dua lagu daripada lagu asas dalam keseluruhan hafazannya.
16. Sukatan bagi soalan Tafsir pada tahun ini ialah Surah al-Kahf ayat 75 sehingga Surah al-Anbiya' ayat 112.